

10 AUG 2002

Razali-Alam Sekitar/I

SEPADUKAN MAKLUMAT BAGI PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN ALAM SEKITAR

PULAU PINANG, 10 Ogos (Bernama) -- Diplomat terkemuka Tan Sri Razali Ismail hari ini berkata apa yang diperlukan oleh Pulau Pinang untuk menerapkan aspek alam sekitar dalam rancangan pembangunannya ialah penyepaduan maklumat-maklumat sedia ada dan bukan lagi kajian baru.

Beliau berkata, sebagai satu daripada negeri yang lebih kecil, Pulau Pinang satu-satunya tempat di mana perancangan alam sekitar dan pembangunan ekonomi dapat diuruskan dengan baik.

"Lebih-lebih lagi, pertumbuhan ekonomi tidak semestinya menjejaskan perancangan alam sekitar," kata beliau dalam syarahannya mengenai "Pembangunan Berkekalan di Pulau Pinang: Kemajuan dan Prospek," di Syarahan Pulau Pinang 2002, di sini.

Syarahan itu dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar (SERI) dan turut dihadiri oleh Yang di-Pertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Razali, yang juga Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, harus ada rancangan dan dasar-dasar bagi "menghijaukan" aktiviti ekonomi atas dasar sektor demi sektor, tidak kira ia bagi industri, pertanian, pelancongan, pembinaan ataupun mana-mana sektor lain.

Beliau berkata, garis panduan berdasarkan kepada pertimbangan terperinci aspek-aspek alam sekitar dan sosial harus dirumuskan untuk menentukan pelaburan mana yang perlu digalakkan dan tidak perlu digalakkan, dan teknologi jenis apa untuk diterima atau ditolak dalam pelbagai sektor.

"Kerajaan harus memperkukuhkan kapasitinya bagi penilaian keselamatan dan alam sekitar, pelaburan, industri-industri, bahan-bahan dan projek-projek," kata beliau.

Beliau juga berkata walaupun Pulau Pinang tidak mempunyai banyak ruang bagi perancangan pembangunan oleh kerana sumber-sumber terhad dan terpaksa pula bergantung kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi 80 hingga 90 peratus perbelanjaan sektor awam, ia dapat mengatasinya dengan menggunakan sumber-sumber daripada kumpulan-kumpulan lain seperti sektor swasta dan masyarakat.

Beliau berkata kemunculan Pulau Pinang sebagai pusat perindustrian dan peluang-peluang pekerjaan yang terjana daripadanya, sudah pasti penting bagi kemantapan ekonominya.

Beliau berkata, strategi-strategi bagi pembangunan ekonomi dalam Rancangan Pembangunan Strategik Pulau Pinang Kedua (PSDP2) nampaknya tidak mengambil kira pertimbangan alam sekitar dengan secukupnya.

Oleh itu Pulau Pinang memerlukan audit alam sekitar bagi semua projek utamanya yang sensitif daripada segi alam sekitar.

-- BERNAMA

SA RM PR